



Foto hiasan NSTP

1MDB: Jadikan peringatan apabila mekanisme pemantauan, tadbir urus gagal - PM

Zanariah Abd Mutalib

KUALA LUMPUR: Skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) seharusnya menjadi peringatan jelas tentang apa yang berlaku apabila mekanisme pemantauan dan tadbir urus gagal, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, skandal bernilai berbilion ringgit itu bukan sahaja berkaitan kerugian kewangan, malah turut mendedahkan kelemahan sistemik dalam aspek akauntabiliti, ketelusan dan integriti institusi.

"Skandal 1MDB tidak mungkin berlaku tanpa pembabitian juruaudit, juruaudit dalaman dan institusi kewangan antarabangsa.

"Kita mesti mengambilnya sebagai cabaran untuk menyelamatkan masyarakat dan negara daripada pelanggaran ini.

"Justeru kita perlu memahami sepenuhnya peranan sistem pemantauan. Keperluan untuk bertindak mesti didasari dengan ketelusan, akauntabiliti dan kepercayaan," katanya pada ucap tama Persidangan Konfederasi Asia Institut Juruaudit Dalaman (ACIIA) 2025 di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kes itu menunjukkan bagaimana rasuah dan penyalahgunaan kuasa boleh berterusan apabila pihak yang bertanggungjawab terhadap semak dan imbang sama ada berpaling atau bersekongkol.

"Ini mesti menjadi cabaran kekal buat kita untuk memperkukuh sistem pemantauan dan memastikan semua institusi bertindak dengan integriti, ketelusan dan akauntabiliti," katanya.

Anwar berkata, walaupun pertumbuhan ekonomi penting, adalah sama penting untuk melindungi sumber negara daripada dibazirkan akibat rasuah, ketidakcekapan dan salah urus.

"Sejarah membuktikan bahawa menangani masalah sebegini tidak pernah mudah kerana mereka yang terbabit sering memiliki kekayaan, pengaruh dan kuasa yang besar. Namun kita mesti terus menanganinya dengan tegas," katanya.

Jumlah kerugian yang ditanggung Kerajaan Malaysia akibat skandal 1MDB agak kompleks kerana merangkumi pelbagai bentuk — daripada penyelewengan langsung hingga kos tidak langsung seperti faedah hutang, kesan ke atas keyakinan pelabur, dan kos penanguhan projek negara.

Hingga kini kerugian keseluruhan termasuk faedah hutang dan kos penutup, dianggarkan hingga RM82.8 bilion.

Dianggarkan jumlah keseluruhan termasuk faedah yang bakal dibayar bagi kes 1MDB adalah sekitar RM51 bilion, dengan tempoh pelunasan hingga tahun 2039.

Berita Berkaitan

(/berita/nasional/2025/09/1443906/integriti-kebertanggungjawaban-tonggak-sebuah-kerajaan-pm)

Integriti, kebertanggungjawaban tonggak sebuah kerajaan - PM
(/berita/nasional/2025/09/1443906/integriti-kebertanggungjawaban-tonggak-sebuah-kerajaan-pm)

(/berita/nasional/2025/02/1366364/azalina-cadang-laporan-ketua-audit-negara-dibahas-peringkat-dun)

Azalina cadang Laporan Ketua Audit Negara dibahas peringkat DUN
(/berita/nasional/2025/02/1366364/azalina-cadang-laporan-ketua-audit-negara-dibahas-peringkat-dun)

(/berita/nasional/2025/09/1443994/pemodenan-audit-kesan-risiko-kejanggalan-tata-kelola-lebih-awal)

Pemodenan audit kesan risiko, kejanggalan tata kelola lebih awal - Ketua Audit Negara
(/berita/nasional/2025/09/1443994/pemodenan-audit-kesan-risiko-kejanggalan-tata-kelola-lebih-awal)

(/berita/nasional/2025/05/1401632/juruaudit-perlu-amal-tadbir-urus-baik-berteraskan-nilai-maruah)

Juruaudit perlu amal tadbir urus baik berteraskan nilai, maruah manusia ketika lunas tanggungjawab - PM
(/berita/nasional/2025/05/1401632/juruaudit-perlu-amal-tadbir-urus-baik-berteraskan-nilai-maruah)

(/berita/nasional/2025/08/1438903/tiada-lagi-anugerah-kontrak-runding-terus-tolak-amalan-cetus)

Tiada lagi anugerah kontrak runding terus, tolak amalan cetus ketirisan, kronisme - PM Anwar (/berita/nasional/2025/08/1438903/tiada-lagi-anugerah-kontrak-runding-terus-tolak-amalan-cetus)

(/berita/nasional/2025/05/1401337/asean-perlu-beralih-menjadi-blok-tadbir-urus-ksn)

ASEAN perlu beralih menjadi blok tadbir urus - KSN (/berita/nasional/2025/05/1401337/asean-perlu-beralih-menjadi-blok-tadbir-urus-ksn)

Disyorkan untuk anda

(/berita/nasional/2025/05/1396720/anwar-1mdb-hanyalah-satu-daripada-banyak-skandal-berbilion-babitkan)

Anwar: 1MDB hanyalah satu daripada banyak skandal berbilion babitkan bekas pemimpin (/berita/nasional/2025/05/1396720/anwar-1mdb-hanyalah-satu-daripada-banyak-skandal-berbilion-babitkan)

(/berita/nasional/2025/07/1422844/segerakan-siasatan-kes-salah-laku-hasil-laporan-audit-mcw)

Segerakan siasatan kes salah laku hasil laporan audit - MCW (/berita/nasional/2025/07/1422844/segerakan-siasatan-kes-salah-laku-hasil-laporan-audit-mcw)




Ethnic Chinese Indonesians hail new era after escaping unrest

Nikkei Asia

([https://asia.nikkei.com/politics/ethnic-chinese-indonesians-hail-new-era-after-escaping-unrest?](https://asia.nikkei.com/politics/ethnic-chinese-indonesians-hail-new-era-after-escaping-unrest?utm_source=paid.outbrain.com&utm_campaign=BA_broad_CORE_PM&utm_medium=referral&utm_content=RSSfeed&obOrigUrl=true)

[utm_source=paid.outbrain.com&utm_campaign=BA_broad_CORE_PM&utm_medium=referral&utm_content=RSSfeed&obOrigUrl=true\)](https://asia.nikkei.com/politics/ethnic-chinese-indonesians-hail-new-era-after-escaping-unrest?utm_source=paid.outbrain.com&utm_campaign=BA_broad_CORE_PM&utm_medium=referral&utm_content=RSSfeed&obOrigUrl=true)



Analysis: Kim Jong Un turn

Nikkei Asia

(<https://asia.nikkei.com/editor-s-p>

[utm_source=paid.outbrain.com&](https://asia.nikkei.com/editor-s-p)




Going Au Naturel With a Simple Area Rug

Mansion Global

[Learn More](#)

(https://www.mansionglobal.com/articles/going-au-naturel-with-a-simple-area-rug-4e4750d9?reflink=outbrain_designers-corner-int_{{section_id}}&obOrigUrl=true)



What Do These Interior Des

Mansion Global

(<https://www.mansionglobal.com/>)

Disyorkan

Popular



Richard Chin kejutkan peminat, rupanya seorang Muslim

(/sukan/bola/2025/09/1443681/richard-chin-kejutkan-peminat-rupanya-seorang-muslim)



Ops Sky: 20 pegawai bank akan didakwa, lebih RM200 juta aset bakal dilucut hak

(/berita/nasional/2025/09/1443927/ops-sky-20-pegawai-bank-akan-didakwa-lebih-rm200-juta-aset-bakal)



Wan Arif-Roy King lakar kejutan singkir beregu nombor empat dunia

(/sukan/raket/2025/09/1444185/wan-arif-roy-king-lakar-kejutan-singkir-beregu-nombor-empat-dunia)



Beregu China bikin Sze Fei-Izzuddin 'mandi peluh'

(/sukan/raket/2025/09/1444216/beregu-china-bikin-sze-fei-izzuddin-mandi-peluh)



Fitnah ada hubungan pengetua sekolah Zara Qairina, Fadhlina buat laporan polis, MCMC

(/berita/nasional/2025/09/1444278/fitnah-ada-hubungan-pengetua-sekolah-zara-qairina-fadhlina-buat)

BERITA (/BERITA)

> BHPLUS (/bhplus)

> Nasional (/berita/nasional)

> Kes (/berita/kes)

> Politik (/berita/politik)

> Pendidikan (/berita/pendidikan)

> Wilayah (/berita/wilayah)

MULTIMEDIA

FOTO GALERI (/FOTO)

INFO GRAFIK (HTTPS://WWW.BHARIAN.COM.MY/INFOGRAFIK)

BHTV (/BHTV)

BH KAPSUL (HTTPS://WWW.BHARIAN.COM.MY/BHTV/KAPSUL)

LANGGAN

AKHBAR DIGITAL (HTTP://DIGITAL.NSTP.COM.MY/BH/)

SUKAN (/SUKAN)

DUNIA (/DUNIA)

HIBURAN (/HIBURAN)

BISNES (/BISNES)

RENCANA (/RENCANA)

WANITA (/WANITA)

HUJUNG MINGGU (/HUJUNG-MINGGU)

PERKHIDMATAN

IKLAN WEB (/IKLANWEB)

1KLASSIFIEDS (HTTP://WWW.1K.COM.MY)

NSTP KLIK (HTTPS://WWW.KLIK.COM.MY/)

REDAKSI (/REDAKSI)

DISCLAIMER (/DISCLAIMER)

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (/DATA-PERIBADI)

AKHBAR BH

(HTTP://DIGITAL.NSTP.COM.MY/NST/INCLUDES/SHOP/LIST_PRODUCTS.JSP?
TESTATA=BERBERITA&ID=BERBERITA)

© 2020 BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group